

**PENDIDIKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH TINGKATAN 5  
PENGAJIAN HADIS**

**Pelajaran 17: Berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah**

**Amalina Ilham :)**

**Farhah Hamdan ;)**

**Zayana Iskandar :o**

**Eizati Zazeli :D**

**Syazwani Othman :p**

**5 SYUKUR 2012**

# Hadis

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah, daripada Nabi Muhammad SAW, baginda bersabda: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang dengan kedua-duanya iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunnah Rasulullah SAW.”

(Riwayat Malik)

NOTA: Sila rujuk hadis pada buku teks Tingkatan 5 muka surat 122

# Keperluan Berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah

- i. Menjadi panduan hidup manusia dalam semua perkara,
- ii. Akan diberi hidayah oleh Allah SWT

Maksudnya: “Dengan (al-Quran) itu, Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan dan kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaan-Nya dan dengannya Tuhan keluarkan mereka daripada kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang benderang dengan izin-Nya, dan (dengannya jua) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang benar.”  
(Surah al-Maidah, 5:16)

# Sebab perlu berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah

- i. Menjadi panduan utama dalam perkara yang berkaitan dengan kehidupan,
- ii. Mengelakkan perselisihan pendapat dan perpecahan di kalangan umat Islam,
- iii. Ajaran yang terkandung di dalam keduanya adalah benar dan tidak diragui,
- iv. Kandungannya sesuai untuk diamalkan sepanjang masa,
- v. Mendapat taufik dan hidayah daripada Allah SWT.

# Kelebihan al-Quran berbanding dengan kitab Samawi lain

## Al-Quran

- i. Syariat yang terkandung di dalamnya kekal sepanjang masa walaupun selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW,
- ii. Kandungannya dijamin selamat daripada penambahan dan pengurangan selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW,
- iii. Ia satu-satunya mukjizat yang masih kekal hingga kini,
- iv. Membacanya dikira ibadah khusus.

## Kitab Samawi lain

- i. Syariatnya terbatas untuk kaum tertentu dan semasa hayat seseorang rasul sahaja,
- ii. Kandungannya telah banyak ditokok tambah oleh para pendeta selepas kewafatan mereka,
- iii. Tidak dianggap mukjizat kerana telah berlaku panambahan dan pengurangan pada kandungannya,
- iv. Membacanya tidak dianggap ibadah khusus.

# Al-Quran dan al-Sunnah penyelesai masalah

- i. Sebagai rujukan tentang permasalahan berkaitan akidah, ibadat, dan kehidupan seharian,
- ii. Terselamat daripada kesesatan di dunia dan di akhirat,  
Maksudnya: “Sekiranya kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu kembalikan kepada kitab Allah (al-Quran) dan rasul-Nya (al-Sunnah), jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.”

# Kaedah penyelesaian masalah menurut al-Quran dan al-Sunnah

Cara motivasi (Attarghib)

Menggalakkan supaya berlumba-lumba membuat kebaikan. Cara ini dapat menggerakkan seseorang melakukan sesuatu yang baik untuk membangunkan diri sendiri dan masyarakat.

- Cara ancaman (Attarhib)

Mengingatkan manusia supaya berhati-hati terhadap perkara-perkara buruk. Cara ini dapat membendung daripada berlakunya kemungkaran.

- Cara teguran yang membina (Almaui'zatul hasanah)

Memberi teguran yang baik kepada seseorang. Cara ini akan melahirkan masyarakat yang prihatin dan sentiasa bantu-membantu dalam kebaikan



- Cara perdebatan yang harmoni (Almujadalah bilihsan)  
Berhujah menegakkan sesuatu kebenaran. Dengan cara ini, kebenaran akan terbela dan masyarakat akan menjadi aman dan harmoni.
- Cara permesyuaratan (Assyura)  
Berbincang mencari jalan penyelesaian. Cara ini akan menghasilkan sesuatu keputusan yang lebih bijak dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan.
- Cara penyerahan (Altawakkal)  
Menyandarkan harapan kepada Allah SWT. Dengan cara ini seseorang akan bersikap positif dalam usahanya seperti yakin sengan kejayaan dan tidak mudah kecewa apabila gagal.
- Cara seksaan (Alazbu)  
Menghukum sesiapa sahaja yang menyalahi perintah al-Quran dan al-Sunnah. Cara ini sebagai balasan atas kesalahan yang telah dilakukan setelah pelbagai cara digunakan.

# Amalan-amalan yang bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah

Aspek	Contoh amalan bertentangan	Cara penyelesaian
Akidah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menyembah berhala</li><li>• Percayakan tuhan selain Allah SWT</li><li>• Memuja kubur</li><li>• Menghina al-Quran dan al-Sunnah</li></ul>	Beriman dengan <b>Rukun Iman</b> dan <b>Rukun Islam</b>
Ibadah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Solat dengan niat sahaja</li><li>• Menunaikan ibadah haji selain di Mekah</li><li>• Berkahwin secara batin</li></ul>	Melakukan ibadah seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Aspek	Contoh amalan bertentangan	Cara penyelesaian
Akhlak	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rasuah</li><li>• Berdusta</li><li>• Mengumpat</li><li>• Fitnah</li><li>• Membunuh</li></ul>	Mengikut panduan yang khusus dan umum tentang akhlak dalam al-Quran dan al-Sunnah
Muamalah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Riba'</li><li>• Judi</li><li>• Minum arak</li></ul>	Meletakkan etika yang dapat menjamin kesejahteraan manusia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

# Akibat tidak berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah

- i. Umat Islam tidak akan mendapat petunjuk daripada Allah SWT kerana banyak amalan buruk seperti syirik, khurafat, tahyul dan bid'ah yang berlaku dalam masyarakat.
- ii. Pelbagai bidang pengetahuan yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah tidak dikaitkan dengan unsur-unsur ketuhanan menyebabkan manusia menjadi sesat.
- iii. Manusia akan menyimpang daripada sifat fitrahnya seperti berlakunya sumbang mahram, seks bebas, dan pembuangan bayi.
- iv. Manusia akan menerima azab dan laknat daripada Allah SWT di dunia dan akhirat.

## Pengajaran hadis

- i. Al-Quran dan al-Sunnah adalah perlembagaan hidup seorang muslim.
- ii. Ajaran al-Quran dan al-Sunnah mestilah diamalkan sepanjang masa.
- iii. Al-Quran dan al-Sunnah dapat menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
- iv. Amalan yang bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah adalah sesat.

Sekian, Terima Kasih :)

belajar rajin-rajin ;DD

